


Pensyarah IPMB UMS terima pengiktirafan ASEAN

NST 20.10.17 6

KOTA KINABALU: Pensyarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Lim Leong Seng telah terpilih sebagai penerima anugerah "Outstanding Young ASEAN-Fisheries Education Network (ASEAN-FEN) Fishery Scientist Award 2017".

Menurut kenyataan daripada jawatankuasa pemilihan anugerah tersebut, pengiktirafan tersebut diberikan kepada Dr. Lim yang juga merupakan Ketua Program HS27 Akuakultur, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) atas sumbangan signifikan beliau dalam bidang sains perikanan melalui penghasilan sejumlah kertas kerja saintifik dalam jurnal dan bab dalam buku di peringkat antarabangsa.

Kenyataan tersebut turut menjelaskan, pengiktirafan Dr. Lim melalui beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebelum ini menjadikan be-



TUNJUK AJAR Dr. Lim (kanan) memberi tunjuk ajar kepada komuniti setempat dalam bengkel ternakan ikan tilapia baru-baru ini.

liau sebagai calon pilihan yang tepat bagi mengungguli anugerah berprestij di rantau ASEAN pada tahun ini.

Anugerah tersebut bakal disampaikan kepada Dr. Lim

dalam satu majlis anugerahan bersempena dengan Majlis Perasmian Simposium Perikanan Antarabangsa di Malang, Indonesia pada bulan November depan.